

# Bincang bina kampus cawangan UTHM di Kluang

*Harian Metro 29/7/2010.*

**K**LUANG: Perbincangan sedang dijalankan antara kerajaan negeri dengan pengurusan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), bagi pembinaan kampus cawangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berstatus nasional di sini.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, perbincangan lanjut sedang dijalankan antara kerajaan

dan pengurusan universiti berkenaan bagi merealisasikan hasrat itu.

“Daerah Kluang mempunyai potensi cukup besar terutama dalam bidang ekonomi dan daerah ini memerlukan sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf nasional bagi melonjakkan lagi kemampuan daerah dari segi pembangunan jangka panjang.

“Hasil perbincangan, pada dasarnya, Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin bersetuju dengan cadangan itu dan kampus cawangan UTHM di sini khusus bagi pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran falsafah (PhD),” katanya ketika melawat daerah ini, kelmarin.

Menurutnya, kerajaan yakin cawangan UTHM itu bakal berubah wajah daerah ini dan menjadi tumpuan warga akademik mahupun pelajar serata negara.

Katanya, kedudukan Kluang yang berhampiran lebuh raya utama serta dilengkapi sistem pengangkutan termasuk kereta api akan memudahkan penduduk negeri lain ke daerah ini.